



KENYATAAN MEDIA

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Khas Dewan Negara Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 akan berlangsung dari **3 hingga 5 Ogos 2021 (3 hari)**. Saya selaku Yang di-Pertua Dewan Negara telah pun dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri selaku Ketua Majlis bahawa Mesyuarat Khas tersebut mustahak diadakan kerana ia adalah bagi faedah orang ramai dan perlu diadakan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan. Pemakluman YAB Perdana Menteri tersebut adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 10 (3) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Urusan-urusan yang telah ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri bagi maksud Mesyuarat Khas tersebut adalah seperti berikut:

- i. Membentangkan Proklamasi Darurat bertarikh 11 Januari 2021 [P.U.(A) 7/2021] dan Ordinan-ordinan Darurat yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat itu mengikut Perkara 150(3), Perlembagaan Persekutuan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen (*laid before both Houses of Parliament*);
- ii. Membentangkan Proklamasi Darurat (No.2) bertarikh 12 Disember 2020 [P.U.(A)356/2020] (mengenai Pilihan Raya Parlimen P.054 Gerik, Perak) dan Proklamasi Darurat (No.3) bertarikh 12 Disember 2020 [P.U.(A)358/2020] (mengenai Pilihan Raya Negeri N.66 Bugaya, Sabah) dan Ordinan-ordinan Darurat yang dibuat di bawah Proklamasi-Proklamasi Darurat itu (*laid before both Houses of Parliament*); dan
- iii. Penerangan daripada Menteri-Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 13(1)(i), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara berhubung Pelan Pemulihan Negara; Program Vaksinasi; Pelaksanaan Darurat dan pakej-pakej bantuan ekonomi.

Oleh kerana sesi kali ini bersifat persidangan khas, tumpuan ialah kepada penerangan dan tidak timbul isu-isu usul yang di luar dugaan. Ingin dinyatakan juga bahawa sesi Mesyuarat Khas Dewan Negara yang akan berlangsung dari 3 hingga 5 Ogos 2021 (3 hari) adalah di luar kuat kuasa tempoh darurat.

Sepanjang Mesyuarat Khas ini juga, Peraturan Mesyuarat biasa akan dikuat kuasakan dalam menjalankan prosedur persidangan. Sebarang persoalan, penjelasan atau hak penerangan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Negara akan saya beri pertimbangan mengikut kerelevanannya.

Bagi memastikan Mesyuarat Khas Dewan Negara ini berlangsung dalam keadaan selamat, segala Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat anti COVID-19 yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan dikuat kuasakan sepanjang masa.

Sehubungan itu, Setiausaha Dewan Negara akan menyusul dengan mengeluarkan Pemberitahu berkenaan Mesyuarat Khas tersebut kepada semua Ahli Dewan Negara.

Sekian, terima kasih.

SENATOR TAN SRI DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM
Yang di-Pertua Dewan Negara

19 Julai 2021
Parlimen Malaysia
KUALA LUMPUR